

Kempen Promosi 2018 – “Jimat 50%” pada eWill / eWasiat

Tempoh Kempen

Kempen Promosi 2018 – “Jimat 50%” pada eWill/ eWasiat (“**Kempen**”) bermula pada 04 September 2018 dan berakhir pada 31 Oktober 2018 (“**Tempoh Kempen**”), termasuk kedua-dua tarikh.

Terma dan Syarat

Takrif

Untuk tujuan Terma & Syarat, istilah dan ungkapan berikut akan digunakan. Jika sekiranya tiada takrif diberi, maka istilah dan ungkapan tersebut akan mempunyai pengertian sepertimana lazimnya diterima dalam kalangan industri berdasarkan konteks di dalamnya.

- “**Pelanggan**” bermaksud pelanggan Bank yang telah berdaftar sebagai pengguna Perbankan Internet Hong Leong Connect (“**Pengguna Connect**”) yang mempunyai akaun Semasa atau Simpanan Hong Leong / akaun Semasa atau Simpanan-i Hong Leong (“**CASA / CASA-i**”) yang aktif.
- “**eWill**” bermaksud penulisan wasiat dalam talian bagi individu Bukan Muslim berikutan langganan kepada Penulisan Will / Wasiat Dalam Talian (sepertimana ditakrif di bawah).
- “**eWasiat**” bermaksud penulisan wasiat dalam talian bagi individu Muslim berikutan langganan kepada Penulisan Will / Wasiat Dalam Talian (sepertimana ditakrif di bawah).
- “**Penulisan Will / Wasiat Dalam Talian**” bermaksud penyampaian dalam talian borang permohonan bagi penyediaan / penjagaan perkhidmatan wasiat (“Borang Permohonan”) yang disediakan oleh Amanah Raya Berhad (“**ARB**”) melalui Perbankan Internet Hong Leong .
- “**Dokumen-dokumen Sokongan**” bermaksud, antara lainnya, arahan untuk menyempurnakan eWill atau eWasiat, iaitu salinan Kad Pengenalan pelanggan dan Kad Pengenalan saksi-saksi, serta semua dokumen berkenaan lain yang diperlukan oleh ARB untuk mendaftarkan eWill atau eWasiat.
- “**Bank**” bermaksud Hong Leong Bank Berhad (97141-X) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W)

Kelayakan

1. Bagi permohonan eWill, Pelanggan mestilah:
 - a. Bukan Muslim;
 - b. Seseorang yang telah mencapai umur 18 tahun (Semenanjung Malaysia & Sarawak) atau 21 tahun di Sabah;
 - c. Seseorang yang berfikiran waras;
 - d. Seseorang yang bertindak atas kehendak sendiri dan tanpa paksaan; dan
 - e. Seseorang yang tidak dilarang mentadbir hartanya.
2. Bagi permohonan eWasiat, Pelanggan mestilah:
 - a. Seorang Muslim;
 - b. Seseorang yang telah mencapai umur 18 tahun (Semenanjung Malaysia & Sarawak) atau 21 tahun di Sabah;
 - c. Seseorang yang berfikiran waras;
 - d. Seseorang yang bertindak atas kehendak sendiri dan tanpa paksaan; dan
 - e. Seseorang yang tidak dilarang mentadbir hartanya.

Fi

3. Sepanjang Tempoh Kempen, Pelanggan akan berhak menikmati perkhidmatan eWill / eWasiat dengan harga RM250.00 (tanpa cukai) ("Fi"). Jika sekiranya ada caj tambahan yang dikenakan bagi eWill / eWasiat, maka Pelanggan bertanggungjawab membayar caj tambahan ini tanpa bantuan daripada Bank.
4. Berikutan permohonan Penulisan Wasiat / Will Dalam Talian, Fi akan didebit daripada CASA / CASA-i Pelanggan dengan Bank melalui Perbankan Internet Hong Leong Connect.

Penyampaian eWill / eWasiat

5. Bank akan menghantar dokumen-dokumen berikut kepada Pelanggan dalam masa tiga (3) hari bekerja setelah Pelanggan menyempurnakan permohonan dalam talian ("Dokumen"):
 - a. Borang Permohonan untuk tandatangan Pelanggan;
 - b. Dua (2) keping (satu keping asal dan satu keping salinan) Will dan Testament Akhir ARB (bagi Bukan Muslim) atau Wasiat Terakhir ARB (bagi Muslim);
 - c. Senarai semak untuk diisi oleh Pelanggan; dan
6. Sebaik sahaja menerima Dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam Fasal 5, Pelanggan hendaklah
 - a. Mengesahkan segala maklumat dalam Borang Permohonan adalah betul;
 - b. Memberitahu Bank jika ada apa-apa kesilapan dalam masa tiga (3) hari bekerja untuk membolehkan Bank menyediakan Will dan Testament Terakhir atau Wasiat Terakhir yang baharu;
 - c. Mengisi butiran yang dikehendaki di bawah menggunakan pen dakwat hitam:
 - i. Pelanggan menandatangani Borang Permohonan;
 - ii. Pelanggan dan dua (2) orang saksi (kedua-dua saksi mestilah berfikiran waras) berumur 18 tahun ke atas untuk menandatangani 2 keping borang Will dan Testament terakhir, dan mereka itu (2 orang saksi itu) dikehendaki hadir bersama-sama Pelanggan semasa pelaksanaan / penandatanganan Will dan Testament Terakhir oleh Pelanggan (bagi Bukan Muslim); atau
 - iii. Pelanggan dan dua (2) saksi lelaki atau empat (4) saksi perempuan Muslim (semua saksi mestilah berfikiran waras) berumur 18 tahun ke atas perlu menandatangani 2 keping borang Wasiat Terakhir, dan mereka (kesemua saksi) dikehendaki hadir bersama-sama Pelanggan semasa pelaksanaan / penandatanganan Wasiat Terakhir oleh Pelanggan (bagi Muslim); dan
 - iv. Memastikan saksi-saksi itu tidak dinamakan sebagai benefisiari dalam borang Will dan Testament atau Wasiat Terakhir.
 - d. Sertakan satu salinan Kad Pengendalian Pelanggan;
 - e. Sertakan satu salinan Kad Pengenaln bagi setiap seorang saksi tersebut;
 - f. Masukkan Borang Permohonan yang telah sempurna diisi, salinan asal Will dan Testament atau Wasiat Terakhir yang sempurna bertandatangan dan bersaksi serta Dokumen-dokumen Sokongan ke dalam sampul surat jawapan dengan setem berbayar yang disediakan oleh Bank dan hantarkan kepada:

Amanah Raya Berhad
Will Administration Department
Level 10 Wisma AmanahRaya
No. 2 Jalan Ampang
50508 Kuala Lumpur

dalam masa empat belas (14) hari bekerja setelah menerima Dokumen-dokumen tersebut daripada Bank; dan

- g. Simpan keping salinan borang Will dan Testament atau Wasiat Terakhir yang sempurna bertandatangan dan bersaksi di tempat yang terjamin selamat.

7. Setelah disampaikan kepada ARB, maka pihak ARB akan memproses permohonan itu dan menyerahkan dokumen-dokumen berikut kepada Pelanggan mengikut alamat yang diberi:
 - a. Kad Will / Wasiat;
 - b. Surat Pengesahan Pendaftaran; dan
 - c. ARB Will Amendments Form / Borang Pindaan Wasiat (bagi sebarang pindaan atau penataran).

Jika sekiranya Pelanggan tidak menerima dokumen-dokumen itu dalam masa 40 hari bekerja, maka Pelanggan hendaklah mengurus terus dengan ARB bagi dokumen-dokumen tersebut tadi tanpa bantuan daripada Bank dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab jika Pelanggan tidak menerima dokumen-dokumen itu dan pihak Bank tidak akan membayar balik Fi berkenaan kepada Pelanggan.

Pembatasan Penulisan Will / Wasiat Dalam Talian

8. Bank tidak boleh dilantik sebagai wasi eWill atau eWasiat.
9. Bank tidak memberi nasihat berhubung dengan butir perincian eWill / eWasiat.
10. Bank tidak bertanggungjawab terhadap:
 - a. Pentadbiran harta pesaka Pelanggan;
 - b. Penentusahan identiti, umur atau keupayaan perwasiat Pelanggan;
 - c. Penentusahan sebarang maklumat yang telah diberi oleh Pelanggan;
 - d. Penentusahan kesesuaian saksi untuk menjadi saksi bagi eWill / eWasiat, atau kesesuaian Pelanggan untuk akusaksi bagi eWill / eWasiat;
 - e. Kelewatan atau kegagalan dalam proses pendaftaran dengan ARB;
 - f. Ketidakterimaan Dokumen-dokumen oleh ARB atas apa jua sebab sekalipun
11. Bank tidak menyediakan sebarang perkhidmatan bagi penataran Will / Wasiat. Jika sekiranya sebarang pindaan atau penataran perlu dibuat kepada Will / Wasiat sedia ada Pelanggan, maka Pelanggan boleh memohon terus kepada ARB tanpa bantuan daripada Bank. Pihak ARB boleh mengenakan bayaran tambahan kepada Pelanggan atas sebarang pindaan atau penataran dan Pelanggan perlulah menanggung bayaran tambahan ini.

Umum

12. Penulisan Will / Wasiat Dalam Talian ini adalah untuk kegunaan khusus pelanggan. Pelanggan dilarang daripada menggunakan Penulisan Will / Wasiat Dalam Talian bagi pihak orang lain.
13. Pelanggan boleh membatalkan Penulisan Will / Wasiat Dalam Talian pada bila-bila masa dengan syarat pembatalan dilakukan sebelum pembayaran Fi dibuat.
14. Pada dasarnya Pelanggan berkewajipan memberi maklumat terkini dan tepat di dalam Dokumen-dokumen dan menyampaikan Dokumen-dokumen itu kepada ARB dalam jangka masa yang ditetapkan dalam Fasal 6 tersebut di atas, jika gagal berbuat demikian pihak Bank tidak bertanggungjawab jika sekiranya Pelanggan tidak dapat menyertai Kempen ini, atau jika ada sebarang kos tambahan yang dikenakan kepada Pelanggan bagi pembedaan Dokumen-dokumen.
15. Ini adalah Terma & Syarat yang mengawal akses, penyediaan dan penggunaan Penulisan Will / Wasiat Dalam Talian. Penulisan Will / Wasiat Dalam Talian adalah tertakluk kepada segala undang-undang dan peraturan berkenaan yang digariskan dalam terma dan syarat Hong Leong Connect.
16. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju bahawa mereka telah membaca dan memahami Terma & Syarat di dalam ini dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Kempen ini, terma dan syarat Connect dan mana-mana terma dan syarat berkenaan lain yang dikenakan oleh Bank dan ARB dari semasa ke semasa.
17. Bank berhak menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menggantung atau menamatkan Kempen ini atau melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini menurut budi bicara mutlak, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web 4

18. HLB (www.hlb.com.my) dan Laman Web HLISB (www.hlisb.com.my) atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh Bank.
19. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web HLB dan HLISB akan diutamakan.
20. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia. 21. Perkataan yang menandakan satu gender termasuk semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.